



---

Kepada : Kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Daripada : Bendahari  
Ruj. Kami : UPSI/BEN/PEM2/519/261/Jld. 8 (23)  
Tarikh : 22 Disember 2020  
7 Jamadil Awwal 1422H

---

### **Kempen Bayaran Zakat Melalui Potongan Gaji**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman pihak tuan/puan, Jabatan ini sedang giat menjalankan kempen bagi menggalakkan kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) supaya membuat bayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji. Untuk makluman pihak tuan/puan juga, permohonan potongan gaji ini boleh dibuat melalui kemudahan yang telah disediakan secara atas talian di MyUPSI Portal. Bagi kakitangan yang telah dikenakan cukai pendapatan melalui Potongan Cukai Bulanan (PCB), tuan/puan diberi pilihan untuk mengekalkan PCB tersebut atau boleh ditukarkan kepada potongan zakat.
3. Suka pihak kami maklumkan di sini bahawa, kelebihan-kelebihan yang boleh tuan/puan perolehi dengan mengutamakan bayaran zakat ini adalah seperti berikut:
  - 3.1 menunaikan kewajipan yang telah disyariatkan terhadap seseorang Muslim
  - 3.2 semua potongan zakat yang dibuat melalui MyUPSI Portal akan disalurkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). UPSI telah menjalankan kerjasama dengan pihak MAIPk dimana pihak MAIPk bersetuju untuk memulangkan separuh (50%) daripada kutipan zakat yang diterima kepada pihak UPSI untuk diagihkan kepada asnaf-asnaf yang layak di kalangan pelajar dan staf. Secara tidak langsung, tuan/puan akan membantu Universiti dalam menyediakan dana yang lebih besar untuk menyantuni golongan yang kurang berkemampuan ini.
  - 3.3 menyahut kelebihan dan seruan Islam yang menuntut agar zakat dibayar di tempat seseorang mencari rezeki agar Allah membentuk ukhwah dan persaudaraan dalam kalangan warga UPSI.
  - 3.4 layak membuat tolakan penuh terhadap cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi satu-satu tahun taksiran
4. Selain kelebihan yang disenaraikan di atas, terdapat banyak lagi kelebihan lain yang telah Allah S.W.T janjikan buat hambaNya yang menunaikan ibadah wajib ini. Justeru itu, jabatan ini menyeru kepada seluruh warga UPSI agar dapat sama-sama mengambil peluang yang ada dengan merebut segala kebaikan daripada amalan berzakat ini.
5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkara ini, tuan/puan boleh menghubungi Puan Rohayu binti Wan Ghazali di talian 05-4506952 atau Puan Siti Mariam binti Alwi di talian 05-4506672.

Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"UPSI NO.1 PENDIDIKAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A.(M), ASEAN CPA)

s.k: Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa  
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni  
Pendaftar

